

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH  
(KUBANG KERIAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [ KUBANG KERIAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini pencarum KWSP yang telah menukarkan kepada akaun patuh syariah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak pendaftaran Simpanan Syariah dibuka pada 8 Ogos 2016, sebanyak 45.15% atau RM45.95 bilion daripada lokasi permulaan dana RM100 bilion telah digunakan dan sehingga 30 September 2016, sebanyak 435,384 pencarum telah mendaftar untuk Simpanan Syariah.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH**

**SOALAN : NO. 352**

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah universiti awam yang mengalami masalah kekurangan dana akibat pemotongan peruntukan dalam Bajet 2016.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun peruntukan 2017 kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah berkurangan berbanding tahun 2016, Kerajaan komited untuk memastikan pembangunan pendidikan tinggi negara dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Selari dengan status sebagai Badan Berkanun serta diberikan autonomi oleh KPT, Universiti Awam (UA) seharusnya sentiasa melaksanakan langkah-langkah bagi menjana pendapatan tambahan. Pada hari ini, kebergantungan UA di Malaysia terhadap pembiayaan Kerajaan adalah terlalu tinggi iaitu pada kadar 75% hingga 95% berbanding dengan Thammasat University Thailand di mana, hanya 30 peratus dibiayai oleh Kerajaan. Pengurangan peruntukan ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang telah menasaskan UA untuk mula menjana pendapatan sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan. Ini diikuti oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT), yang dilancarkan pada April 2015 selepas melaksanakan kajian semula terhadap PSPTN selama 2 tahun. PPPM (PT) masih meneruskan kesinambungan sasaran KPT terhadap keperluan UA untuk mencapai kedudukan kewangan yang lestari melalui penjana pendapatan yang pelbagai, di bawah dalam Lonjakan 5: Kemampanan Kewangan. KPT juga telah mengeluarkan buku panduan "Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf" sebagai rujukan kepada semua UA dalam menjana pendapatan.

Pembiayaan berdasarkan pencapaian keberhasilan (*outcomes*) akan menjadi *'the new norm'* yang bertujuan untuk mengoptimumkan kos dalam sistem pendidikan. Kaedah ini menggalakkan UA untuk memperkukuhkan kewangan sendiri dengan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa mengurangkan akses atau menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh UA dalam berhadapan dengan pengurangan peruntukan Kerajaan adalah menggunakan aset dan kepakaran daripada sumber manusia masing-masing bagi menjana pendapatan dalaman UA serta mengukuhkan lagi kedudukan anak syarikat di bawah UA supaya sumber pendapatan daripadanya dapat membantu UA membiayai sebahagian perbelanjaan.

Selain itu, peningkatan produktiviti dan keberkesanan kos pendidikan tinggi perlu dilaksanakan di mana UA perlu mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada dengan cekap dan berkesan. Ini boleh dilaksanakan melalui pengkomersilan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D), pengkomersilan idea, penyediaan khidmat perundingan, kursus dan latihan eksekutif serta lain-lain program penjanaan pendapatan yang menjadi bidang kepakaran universiti. UA juga turut melaksanakan pembudayaan perbelanjaan secara berhemah tanpa mengurangkan atau menjejaskan penyampaian kualiti pendidikan tinggi kepada masyarakat. Ini termasuklah melaksanakan pengurusan fasiliti yang cekap dan efisien.

UA juga mempunyai dana endowmen dan akan dikembangkan lagi kerana semua UA sedang mempergiatkan usaha menambah dana wakaf masing-masing yang merupakan salah satu inisiatif di bawah PPPM (PT).

UA turut menerima sumbangan daripada syarikat-syarikat korporat dalam menambahbaik operasi dan perkhidmatan. Misalnya dari Air Asia yang membantu menaik taraf kompleks sukan dan stadium dan UUM pula membuat renovasi 1City Mall yang dibiayai sepenuhnya di bawah peruntukan PFI. Bagi penyelidikan juga, UA turut menerima banyak geran dari luar yang membantu penyelidikan. Geran luar yang diterima oleh UA ialah sebanyak RM461 juta. Ini termasuklah geran daripada industri sebanyak RM237.8 juta. Geran luar negara yang diterima pula adalah dari Japanese International Company Agency, Japan Look East, Newton Ungku Umar dan dari Australia-IRU.

Jelasnya di sini, tidak timbul isu peruntukan yang tidak mencukupi bagi pelaksanaan operasi di UA. Ini dibuktikan dengan pelbagai kaedah penjanaan pendapatan dan sumbangan korporat yang diterima oleh semua UA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH  
[ KUBANG KERIAN ]**

**SOALAN : 353**

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menggalakkan rakyat memiliki lesen kerana JPJ telah mengesan seramai 1.2 juta orang yang membawa kenderaan tanpa lesen memandu.

## JAWAPAN

Yang Berhormat,

Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengambil maklum akan isu pemandu memandu tanpa lesen yang sah. Melalui pemantauan pihak Kementerian, punca utama pengguna jalan raya memandu tanpa lesen adalah disebabkan oleh sikap dan tahap kesedaran pemandu itu sendiri.

Oleh itu, inisiatif Kerajaan seperti Program myLESEN (pengambilan lesen B2 dengan kos RM299 berbanding RM350) dan Program Satu Komuniti Satu JPJ (SKSJ) diperkenalkan bagi memastikan rakyat Malaysia memiliki sekurang-kurangnya lesen memandu asas B2 (motosikal). Kerajaan yakin bahawa program *myLesen* dan SKSJ ini dapat membantu dan menyumbang kepada pengurangan jumlah mereka yang menunggang tanpa lesen seterusnya membawa kepada peningkatan keselamatan jalan raya.

Selain itu, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan sebagai salah satu cara untuk meningkatkan *Perception of Being Caught* (POBC) di kalangan pengguna jalanraya. Melalui pendekatan ini, ianya akan dapat menggalakkan penunggang-penunggang motosikal untuk mendapatkan lesen yang sah.